

HARI :

TARIKH :

SILA SALIN NOTA DI BAWAH DI DALAM BUKU NOTA

5.2

Faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

Nota

1. Bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union.
 - (a) Malayan Union dibantah kerana menghakis kuasa Raja-raja Melayu serta hak dan kedudukan istimewa orang Melayu.
 - (b) Ahli parlimen British, Gammans dan Rees Williams dalam laporan mereka menyatakan pelaksanaan Malayan Union akan mencetuskan keadaan huru-hara di Tanah Melayu.
2. Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO.
 - (a) Malcolm MacDonald dan Sir Edward Gent bersetuju mengadakan perundingan dengan Raja-raja Melayu untuk mengatasi ketegangan antara orang Melayu dan kerajaan British.
3. Sokongan pentadbir British.
 - (a) Bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu dan pegawai tinggi British menasihati kerajaan British untuk menamatkan pentadbiran Malayan Union.
4. Menguasai ekonomi Tanah Melayu.
 - (a) Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dapat melahirkan sebuah kerajaan yang aman dan stabil.
5. Melaksanakan dasar dekolonisasi.
 - (a) Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dapat menjayakan hasrat British melaksanakan dasar dekolonisasi seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.